

Caruman bagi menjamin kebajikan pekerja terutama jika terlibat kemalangan

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Sebanyak 10 peratus majikan terutama sektor industri kecil dan se-derhana (IKS) serta perniagaan kecil-kecilan tidak mendaftar dan membuat caruman dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Perkeso Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, semua majikan wajib mendaftar meskipun hanya mempunyai seorang pekerja.

Menurutnya, caruman tersebut merupakan satu keperluan kepada majikan bagi menjamin kebajikan pekerja sekiranya ditimpakan musibah terutama jika terlibat kemalangan.

"Kita nasihatkan majikan tidak culas dan memastikan kebajikan pekerja mereka tidak terabai," katanya selepas me-

Wajib daftar Perkeso walaupun ada seorang pekerja

nyerahkan bayaran faedah Perkeso kepada bala seorang mangsa naas di Blok A Sawah Sempadan, Tanjung Karang di sini pada Khamis.

Bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan pencen bulanan Faedah Orang Tanggungan (FOT) diserahkan kepada Norfarahin Jamsari, 25, isteri kepada Allahyarham Muhammad Hafizi Idris, 33, yang meninggal dunia pada 29 Mei lalu akibat kemalangan jalan raya.

Tambah Ismail Abi, semua majikan dinasihatkan segera mencarum sebelum pelaksanaan Ops Kesan bermula 1 Julai ini mengikut Akta 4 dan Akta 800 (Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017).

"Kita memberi peluang kepada majikan mendaftarkan perusahaan dan pekerja boleh dikenakan tindakan kompaun RM5,000 serta denda sehingga RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan."



Ismail Abi (dua dari kiri) menyerahkan bayaran faedah Perkeso kepada Norfarahin di Blok A Sawah Sempadan, Tanjung Karang, Kuala Selangor pada Khamis.

bulan pemutihan pada Mei serta bulan ini," ujarnya.

Jelas beliau, kegagalan mendaftar perusahaan dan pekerja boleh dikenakan tindakan kompaun RM5,000 serta denda sehingga RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Tegasnya, majikan lewat mendafat dan mencarum turut akan dikenakan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar enam peratus setahun di atas se- tiap hari caruman lewat dibayar.

Sementara itu, Norfarahin berkata, arwah suaminya beker- ja sebagai penghantar barang- terlibat kemalangan ketika me- nunggang motosikal di Jalan Sungai Haji Dorani, Sungai Besar pada Ogos tahun lalu.

"Saya bersyukur kerana arwah ada membuat caruman dan faedah Perkeso yang diterima ini dapat membantu meringankan beban," ujarnya.